

TA'AWUN SEBAGAI ASAS KESEPADUAN SOSIAL: ANALISIS KES KAWASAN RUKUN TETANGGA DI PULAU PINANG

*(TA 'AWUN AS A BASIS SOCIAL COHESION: ANALYSIS CASES OF RUKUN TETANGGA
AREAS IN PULAU PINANG)*

Zaleha Embong¹

Abstract: *Social cohesion is an important aspect in establishing togetherness in a plural society. Most plural society countries experience conflicts such as war, discrimination, oppression and so on. Therefore, social cohesion is the aspiration of Malaysian society in maintaining peace and harmony. In Malaysia, Pulau Pinang, a plural society state is still able to maintain social stability and well-being of the local community due to its stable social tension. This paper aims to identify and analyse the role of ta'awun as the basis of social cohesion in the Rukun Tetangga Areas (KRT), Pulau Pinang. The data were collected through in-depth interviews and also analysis of past studies. All data were analysed by using content analysis method. Findings demonstrate that ta'awun plays an important role as a basis for achieving social cohesion in a plural society.*

Keywords: *Ta'awun, Social Cohesion, Rukun Tetangga Areas*

Abstrak : *Kesepaduan sosial merupakan aspek penting untuk mewujudkan kebersamaan dalam masyarakat majmuk. Oleh sebab itu, kesepaduan sosial menjadi cita-cita masyarakat Malaysia untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian. Kebanyakan negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk mengalami konflik ekoran perbezaan latar belakang sehingga berlakunya peperangan, diskriminasi, penindasan dan sebagainya. Sebaliknya, Pulau Pinang yang terdiri daripada masyarakat majmuk masih mampu mengekalkan kestabilan sosial dan kesejahteraan walaupun masih berada pada peringkat stable tension. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis peranan ta'awun sebagai asas kesepaduan sosial di Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Pulau Pinang. Artikel ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kajian kepustakaan dan temu bual mendalam (in-depth interview). Manakala, kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Hasil dapatan mendapati amalan ta'awun dalam KRT, Pulau Pinang berperanan penting sebagai asas untuk mencapai kesepaduan sosial.*

Kata Kunci: *Ta'awun, Kesepaduan Sosial, Kawasan Rukun Tetangga*

2018 JGBSE

¹ Pensyarah, Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, 16300, Bachok, Kelantan, Tel: 09-7797126. Email: zaleha.e@umk.edu.my.

PENGENALAN

Ta'awun bermaksud tolong-menolong, saling membantu dan kerjasama². Amalan *ta'awun* berperanan penting dalam membentuk hubungan kaum yang baik dalam masyarakat majmuk. Melalui amalan ini juga akan membentuk sikap saling menghormati, kasih sayang, keadilan, toleransi dan sebagainya. Menurut A. Rahman Ahmad Jerlun (1990:43), konsep tolong-menolong adalah benih atau bibit perpaduan yang penting menurut Islam. Islam sangat menggalakkan semangat bantu-membantu dan kerjasama tanpa mengira agama, warna kulit, bahasa, budaya dan keturunan. Amalan *ta'awun* yang dibawa oleh Islam dilihat sesuai bagi masyarakat majmuk untuk membina keharmonian dan keamanan dalam sesebuah negara. Kepentingan amalan *ta'awun* sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tolong-menolong kamu atas perkara kebaikan dan ketakwaan dan jangan tolong-menolong dalam perkara dosa dan kemungkaran”.

(*Terjemahan Al-Maidah*, 5:2)

Berhubung ayat ini, Haji Abdul Malik Abdul Karim Abdullah (Hamka) (1990:1600-1601) menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan manusia untuk hidup saling membantu dalam membina *al-birru* iaitu segala perbuatan yang baik dalam menegakkan ketakwaan bagi mengeratkan hubungan dengan Allah SWT. Manusia ditegah melakukan amalan tolong-menolong atas perkara dosa dan menimbulkan permusuhan yang boleh menyakiti sesama manusia. Manusia dianjurkan menubuhkan organisasi sosial yang dapat membantu melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan supaya segala urusan dapat dilakukan secara kolektif.

Menurut Surtahman Kastin Hasan (2008:9-10), amalan tolong-menolong dalam perkara kebajikan sangat dituntut kerana amalan ini menyuburkan kebajikan dan membawa perpaduan dalam masyarakat. Manakala, amalan tolong-menolong dalam perkara kejahatan boleh mendatangkan kerosakan dan perpecahan. Maka, bekerjasama dan tolong-menolong akan mewujudkan kekuatan, mendapat rahmat serta *barakah* daripada Allah SWT. Malah, umat Islam dituntut berbuat amal kebajikan dan melaksanakan keadilan terhadap seluruh manusia termasuk golongan bukan Islam. Hal ini selagi mereka tidak menentang dan memerangi Islam (Yusof Al-Qardawi, 1985). Oleh yang demikian, kehidupan manusia di atas muka bumi perlu berlandaskan kasih sayang, hormat-menghormati dan saling membantu. Malahan, setiap manusia berkewajipan untuk memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan (Mustafa Daud, 1990:108). Lantaran pentingnya *ta'awun* dalam Islam sebagaimana sabda Rasulullah SAW daripada Abu Hamzah, Anas bin Malik R.A. pembantu Rasulullah SAW yang bermaksud:

² *Ta'awun* merupakan istilah daripada bahasa Arab. Berasal daripada kata dasar *'awn* yang bermaksud pertolongan atau bantuan. Secara etimologi, perkataan *ta'awun* bermaksud kerjasama, tolong-menolong dan bantu-membantu (Ibn Manzur, t.t: 298-299). Manakala, dalam bahasa Ingeris, *ta'awun* diterjemahkan sebagai *cooperation* (Raed al-Jabari, 2010:332). *Webster's New World Compact Desk Dictionary and Style Guide* (2002:110) pula menyebut *cooperation* sebagai:

“*To act or work together with another or others*”

Ta'awun dalam konteks kertas kerja ini merangkumi elemen-elemen toleransi, kasih sayang, hormat-menghormati, keadilan dan tanggungjawab seperti yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dalam Piagam Madinah.

“Tidak beriman (secara sempurna) seseorang kamu hingga dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri”.

(HR. Al-Bukhari, No. 10)

Namun, sering kali nilai ini diabaikan ekoran kesibukan masyarakat dalam mengejar arus pembangunan dan permodenan. Sejarah membuktikan bahawa perpecahan dalam masyarakat boleh menimbulkan kemusnahan kepada sistem kehidupan manusia. Sebagai contoh, Tanah Arab sebelum kedatangan Islam memperlihatkan kejahilan masyarakat Arab tentang amalan *ta'awun*. Masyarakat Arab fanatik dengan isu perkauman dan kabilahnya. Mereka sering bertelagah dan berperang walaupun kerana perkara kecil. Hal ini disebabkan mereka mempunyai semangat *'asabiyyah* yang telah sebatikan dalam suku kaum mereka. Justeru, peperangan antara kabilah merupakan fenomena biasa pada ketika itu.³ Di Madinah, golongan Aus dan Khazraj yang merupakan masyarakat peribumi Madinah sering berperang antara satu sama lain semenjak ratusan tahun (Mat Saad Abd Rahman, 1995). Peristiwa-peristiwa ini membuktikan bahawa pentingnya amalan *ta'awun* bagi mewujudkan keharmonian dan keamanan dalam sesebuah negara.

Di Malaysia secara umumnya mempunyai masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan terdapat lebih kurang 200 suku kaum (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin, 2006:1). Oleh sebab itu, pihak kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi membina hubungan kaum yang baik dan mengatasi masalah perpecahan serta permusuhan dalam masyarakat majmuk. Skim Rukun Tetangga⁴ adalah salah satu inisiatif kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk mengadakan program bagi menguruskan komuniti pada peringkat akar umbi. Skim ini ditubuhkan bagi membolehkan rakyat mengawal dan menjaga keselamatan kawasan kediaman mereka. Pada tahun 1984, skim ini diperbaharui dengan menanam konsep kejiranan dengan falsafah *Kesejahteraan Kawasan Sejiran akan Menjamin Kesejahteraan Negara* (Syed Mahadzir, 2009). Kawasan-kawasan perumahan yang melaksanakan skim ini dipanggil Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Pada tahun 2001, KRT mengalami anjakan paradigma ke arah pembangunan komuniti sejajar dengan perkembangan semasa. Hal ini ekoran kesedaran dan penyertaan aktif pemimpin-pemimpin dan penduduk KRT dalam pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan (Syed Mahadzir, 2007:6-7; Rashid Saad, 2004). Pendekatan ini memberi tumpuan terhadap beberapa perubahan baru dalam struktur organisasi, infrastruktur dan peranan KRT itu sendiri. Pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh KRT pada ketika ini lebih menjurus kepada usaha untuk menjalankan aktiviti berdasarkan keperluan anggota masyarakat dalam kawasan taman perumahan masing-masing (Benny, 2007). Lantaran pentingnya KRT dalam memupuk hubungan kaum yang baik, kedudukan KRT semakin bertambah dari semasa

³ Sebagai contoh, Perang *al-Basus* yang melibatkan *Bani Taghlib* dan *Bani Bakr* yang berlanjutan selama 40 tahun berpunca daripada pembunuhan Kulaib bin Rabiah (suku kaum *Taghlib*) oleh Jasas bin Murrah (suku kaum *Bakr*) (Danial Zainal Abidin, 2012:4).

⁴ Penubuhan Skim Rukun Tetangga merupakan salah satu usaha yang berterusan dalam mewujudkan ruang interaksi dalam kalangan masyarakat. Skim ini telah diperkenalkan pada 29 Ogos 1975 di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975, (P.U (A) 279/75)⁴. Matlamat skim ini pada asasnya untuk memantau dan memulihara perpaduan dalam kalangan masyarakat di kawasan perumahan melalui aktiviti berasaskan kejiranan. Skim ini telah menganjurkan pelbagai aktiviti agar masyarakat saling berkenalan, berinteraksi, saling membantu dan merapatkan hubungan pada peringkat akar umbi antara pemimpin dengan rakyat yang pelbagai agama, keturunan, adat dan budaya (Syed Mahadzir, 2009). Pada tahun 2012, kerajaan telah memansuhkan akta tersebut dan kini, Skim Rukun Tetangga berada di bawah kawalan *Akta Rukun Tetangga 2012* (Akta 751) yang digubal dan dikuatkuasa pada 22 Jun 2012 (Kerajaan Malaysia, 2012 & JPNIN, 2013).

ke semasa. Menurut laporan penubuhan KRT oleh JPNIN (2018), sehingga Februari 2018 terdapat sebanyak 7976 buah KRT telah ditubuhkan di seluruh Malaysia berbanding hanya 1971 buah KRT pada tahun 2000. Hal ini menunjukkan peningkatan ekoran kepentingan KRT dalam menyemai semangat kerjasama dan interaksi dalam kalangan masyarakat majmuk (JPNIN, 2018).

Perkembangan ini merupakan petanda positif penerimaan masyarakat terhadap KRT. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2012:7), KRT merupakan satu usaha untuk masyarakat membina jalinan interaksi dan kerjasama yang boleh membawa kepada kesepaduan sosial⁵. KRT menjadi tiang seri kepada kesepaduan sosial yang membawa ke arah mencapai perpaduan. Kesepaduan sosial merujuk kepada keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat khususnya yang berbilang etnik kerana wujudnya kesepakatan sosial (*social bonding*) yang kuat. Terbina untuk sekian lamanya berasaskan setidaknya-tidaknya lima pra-syarat. Pertama, taraf kebendaan yang berkualiti seperti mempunyai indeks kualiti hidup yang sederhana ke arah lebih tinggi. Kedua, aturan sosial yang aman, stabil dan selamat. Ketiga, interaktif aktif berlandaskan jaringan dan pertukaran hubungan yang positif. Keempat, wujudnya usaha positif ke arah penglibatan semua pihak dalam kegiatan arus perdana. Kelima, akses kepada kemudahan yang boleh menjamin dan mempertahankan kualiti hidup dan mobiliti sosial (Shamsul Amri Baharuddin, 2012:7).

Di Pulau Pinang secara khususnya mempunyai komposisi masyarakat paling majmuk di Malaysia dengan etnik-etnik utama yang terdiri daripada Cina, Melayu dan India (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Walau bagaimanapun, Pulau Pinang dapat mengekalkan kestabilan sosial walaupun masih berada pada keadaan *stable tension*⁶. Komposisi penduduk yang tinggi antara tiga etnik terbesar dalam negara merupakan sesuatu yang unik kerana masih berada dalam keadaan stabil dan aman. Kebanyakan negara-negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk berhadapan dengan konflik etnik sehingga berlaku peperangan, penindasan, kezaliman dan ketidakadilan kepada golongan minoriti dan lemah (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin, 2006:1). Hal ini seperti yang berlaku di Selatan Thailand, Rohingya, Kosovo, Afrika Selatan, Rwanda, Kashmir dan lain-lain. Malah

⁵ Pelbagai pandangan dan takrifan tentang kesepaduan sosial. Antaranya, Emile Durkheim yang berpendapat bahawa kesepaduan sosial merupakan usaha menilai keupayaan masyarakat untuk kekal berhubung dalam pelbagai peringkat pembangunan. Max Weber pula berpendapat kesepaduan sosial sebagai idea-idea yang kolektif dan merupakan nilai-nilai yang penting dalam pembangunan sosial. Selain itu, Talcott Parsons membincangkan kesepaduan sosial dari aspek struktur fungsionalisme iaitu masyarakat yang berpadu diasaskan dengan sistem nilai yang dikongsi bersama. Sarjana terkini iaitu Maxwell (1996) melihat kesepaduan sosial dalam dimensi perkembangan ekonomi. Menurut Maxwell, kesepaduan sosial adalah proses yang membina dan mengekalkan perasaan kekitaan dalam masyarakat serta perasaan meletakkan diri seseorang dalam komuniti. Menurut Lockwood (1999) pula, kesepaduan sosial merujuk kepada perpaduan rangkaian sosial yang kuat misalnya ikatan persaudaraan dan organisasi-organisasi sukarela tempatan. Indikator kepada kesepaduan sosial adalah sifat-sifat altruisme seperti amanah dan kesanggupan untuk membantu. Pada tahun 1996, sebuah organisasi ekonomi iaitu *Organization for Economic Cooperation and Development* (OECD) menyatakan bahawa kesepaduan sosial merupakan alat yang penting dalam era globalisasi. Hal ini bertujuan mengekalkan kestabilan dan kesejahteraan dalam masyarakat. Masyarakat memerlukan nilai-nilai yang boleh dikongsi bersama dan mengekalkan kesepaduan sosial dari semasa ke semasa (dipetik daripada Mohd. Syarifudin Abdullah, 2013:57-59).

⁶ *Stable tension* bermaksud kestabilan yang tersirat dalamnya ketegangan yang terpendam. Kadang-kala diucap secara terbuka oleh rakyat Malaysia tetapi tidak melalui tindakan ganas. Keadaan stabil dan aman walaupun terdiri daripada masyarakat majmuk yang mempunyai banyak perbezaan. Akan tetapi, berjaya menyelesaikan banyak masalah melalui proses berterusan seperti rundingan dan perbincangan untuk mendapatkan kata sepakat. Kadang-kadang proses itu sendiri menjadi jalan penyelesaian terhadap permasalahan tersebut (Temu bual bersama Shamsul Amri Baharuddin di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia pada 13 Februari 2013).

berlaku peristiwa pembersihan etnik (*ethnic cleansing*)⁷ dan pembunuhan beramai-ramai (*genocide*) yang tidak berperikemanusiaan seperti di Yugoslavia, Palestin, Rwanda, Rohingya, Sri Lanka, Bosnia dan Herzegovina dan lain-lain (Wolff, 2006:2). Pembersihan etnik terbesar pernah berlaku di Jerman oleh tentera Nazi terhadap etnik Yahudi semasa perang dunia ke dua (Pegorier, 2013). Kekejaman pembersihan etnik juga berlaku di Kemboja ketika pemerintahan Parti Komunis Khmer Rouge (1975-1979). Seramai 1.7 juta lebih rakyat Kemboja maut akibat penderaan, pembunuhan, kerahan tenaga, penyakit dan kebuluran (Mohamad Faisol Keling, 2009). Oleh sebab itu, keadaan hubungan etnik di Pulau Pinang perlu diberi perhatian khusus kerana bukan mudah untuk mencapai kestabilan sosial dan menangani isu konflik etnik dalam masyarakat majmuk. Hal ini perlu dilihat sebagai perkembangan positif dalam hubungan etnik di Pulau Pinang dalam usaha negara mencapai kesepaduan sosial.

KAEDAH METODOLOGI

Kaedah Pengumpulan Data Sekunder

Data sekunder merupakan data sedia ada yang dikumpul oleh penyelidik terdahulu sama ada dalam bentuk teks atau nombor (David & Sutton, 2004:370). Dalam kajian ini, data sekunder dikumpul melalui kajian kepustakaan. Sumber data diperoleh dalam bentuk tesis, disertasi, latihan ilmiah, jurnal, artikel, kertas kerja, buku, majalah dan teks lain yang berkaitan. Selain itu, sumber data turut diperoleh melalui laman sesawang seperti Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Jabatan Perangkaan Malaysia, organisasi pembangunan komuniti dan sebagainya. Data yang dikumpul ini memberi idea asas dalam mereka bentuk, menganalisis dan menginterpretasikan kajian ini (Sabithan Marican, 2005).

Kaedah Pengumpulan Data Primer

Dalam artikel ini, data primer diperoleh secara langsung dari kajian lapangan. Sumber data primer ini diperoleh melalui sesi temu bual mendalam (*in-depth interview*). Kaedah pensampelan digunakan bagi memilih sampel yang dikaji.

Kaedah Pensampelan

Proses pemilihan sampel merupakan peringkat yang penting dalam kajian bagi memastikan maklumat yang mencukupi boleh diperoleh daripada sampel yang dipilih (Ryan, Scapens & Theobold, 2002:137). Artikel ini menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu memilih sampel daripada satu populasi mengikut kriteria-kriteria tertentu selaras dengan tujuan kajian (Calmorin & Calmorin, 2008:104). Menurut Sabitha Marican (2005:105), penyelidik perlu menggunakan pertimbangan sendiri untuk memilih responden yang paling sesuai dengan tujuan kajian. Lazimnya, responden yang dipilih akan meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki penyelidik. Oleh sebab itu, artikel ini memilih responden yang mempunyai autoriti dalam bidang hubungan etnik dan aktiviti-aktiviti pembangunan komuniti di KRT Pulau Pinang. Hal ini bertujuan mendapatkan maklumat dan penjelasan secara terperinci berkenaan bidang-bidang tersebut.

⁷ Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan pembersihan etnik sebagai menghapuskan sesuatu kumpulan etnik atau agama yang homogen di kawasan-kawasan tertentu dengan menggunakan kekerasan dan ugutan. Pembersihan etnik adalah bertentangan dengan undang-undang antarabangsa (Pegorier, 2013:17).

KAEDAH PENGANALISISAN DATA

Kaedah penganalisan data merupakan proses mengatur, menstruktur dan menginterpretasi data yang telah dikumpul. Data yang diperoleh dalam artikel ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti dan menjelaskan secara sistematik makna atau kandungan tersurat serta tersirat dokumen yang dikaji (Bryman, 2008; Othman Lebar, 2012). Analisis ini bertujuan mencari tema-tema khusus dan umum daripada data yang dikumpul (Sabitha Marican, 2005). Kaedah ini boleh digunakan bagi kajian berbentuk kualitatif (Kondracki, Wellman & Amundson, 2002).

TA'AWUN DALAM MASYARAKAT MAJMUK PADA ZAMAN RASULULLAH SAW

Kepelbagaian dan perbezaan bukan alasan untuk manusia berpecah belah dan bermusuhan⁸. Akan tetapi sebagai jalan untuk manusia menjalin hubungan baik agar kedamaian dan kemakmuran hidup bersama dapat dicapai. Islam tidak menganjurkan perpecahan, permusuhan dan semangat '*asabiyyah* (perkauman) sebagaimana yang diperkatakan oleh orientalis Barat. Malah, amalan *ta'awun* terhadap golongan bukan Islam dan menjaga hak-hak mereka turut dianjurkan oleh Islam. Prinsip asas yang menyatakan secara khusus kedudukan golongan bukan Islam di bawah pemerintahan Islam sebagaimana firman Allah dalam surah *al-Mumtahanah*, (60:8-9). Oleh sebab itu, peristiwa berhijrah Rasulullah SAW ke Madinah membawa lembaran baru kepada umat manusia kerana misi peradaban dan kemanusiaan. Perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ialah meletakkan asas-asas penting bagi negara Madinah. Antara asas tersebut ialah membangunkan masjid, mempersaudarakan sesama kaum Muslimin secara umum dan kaum Muhajirin dengan kaum Ansar secara khusus. Di samping membuat perjanjian dengan mengatur kehidupan sesama kaum Muslimin dan menjelaskan hubungan dengan golongan bukan Islam khususnya kaum Yahudi⁹ (Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buthy, 2006). Menurut Mat Saad Abdul Rahman (1995:13-16), nilai-nilai Islam diterjemahkan dalam *Sahifat Madinah*¹⁰ (Piagam Madinah) dan '*Aqd al-Dhimmah*¹¹ (Perjanjian *Dhimmah*) sebagai dasar penting kepada masyarakat majmuk. Dalam Piagam Madinah wujudnya amalan

⁸ Rujuk surah *al-Hujurat* (49:13).

⁹ Terdapat pelbagai suku bangsa sebagaimana yang tercatat dalam Piagam Madinah seperti Banu 'Awf, Banu Najjar, Banu al-Harith, Banu Sa'idah, Banu Jasyam, Banu Aws, Banu Thalabah, Banu Jafnah, Banu Syutaybah, Banu Nabit dan Banu Amr Ibn 'Awf (Ahmad Ibrahim & Dzafir El-Qasimy, 1985:12).

¹⁰ Piagam Madinah mengandungi 47 Fasal. Fasal 1 hingga 23 disiapkan sebelum berlakunya Perang *Badar* (2 Hijrah) dan Fasal 24 hingga 47 disiapkan selepas Perang *Badar*. Dalam piagam ini terdapat dua bahagian iaitu bahagian pertama 23 Fasal menyentuh perhubungan antara Muhajirin dan Ansar. Manakala bahagian kedua, 24 Fasal merupakan peruntukan-peruntukan yang berhubung hak dan kewajipan orang-orang Yahudi (Ahmad Ibrahim & Dzafir El-Qasimy, 1985:10). Dalam piagam ini telah digariskan beberapa prinsip umum tentang dasar pentadbiran masyarakat dan negara Islam Madinah menurut keperluan semasa (Akram Diya' Al-Umari, 2000:128). Piagam Madinah merupakan konstitusi negara bertulis pertama di dunia yang dijadikan sebagai asas pemerintahan Rasulullah SAW. Menurut W. Montgomery Watt, Madinah merupakan negara Islam pertama yang muncul dalam abad ke-7 dengan konstitusi yang dinamakan *Konstitusi Madinah*. Piagam Madinah menggariskan tentang kepentingan menjaga hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Merupakan implimentasi kepada asas-asas *siyasah* yang bersesuaian dengan keperluan semasa dan syarak. Perlembagaan ini menggambarkan hakikat ketelusan dan keadilan dalam pemerintahan Islam (Zainal Abidin Ahmad, 1973:6).

¹¹ Perjanjian yang digubal oleh Rasulullah SAW dengan golongan bukan Islam dalam *Perjanjian Dhimmah* (*Aqd al-Dhimmah*) pada tahun 9 Hijrah. Golongan bukan Islam yang terlibat dengan perjanjian ini dikenali sebagai *ahl al-dhimmah* atau *al-dhimmiyyin* (Mat Saad Abd Rahman, 1995:12-16).

toleransi, tanggungjawab, keadilan, kasih sayang dan hormat-menghormati yang berupaya menyatupadukan masyarakat yang berbeza agama, budaya, bahasa, adat dan sebagainya¹². Dalam hal ini, Piagam Madinah menjadi landasan perlembagaan yang begitu kukuh. Malah, Islam dilihat sebagai pembawa permodenan serta mampu membangunkan konsensus dan mewujudkan hubungan positif antara kaum yang berbeza. Rasulullah SAW membuktikan bahawa Islam adalah agama yang boleh menerima kepelbagaian budaya dan merumuskannya dalam sebuah perlembagaan (Zuhairi Misrawi, 2011).

Penerapan nilai-nilai Islam oleh Rasulullah SAW menyebabkan masyarakat Arab mula melalui proses transformasi sosial dan kebudayaan hingga melahirkan generasi unggul yang membina kecemerlangan tamadun Islam (Khalif Muammar, 2009:16). Generasi unggul itu hasil daripada tindakan Rasulullah SAW dalam memperkukuh *ukhawah Islamiyyah* sesama muslim yang berbeza kabilah, bahasa, adat dan keturunan. Rasulullah SAW telah mempersaudarakan Ja'far bin Abi Talib dengan Mu'adz bin Jabal, Hamzah bin Abdul Mutthalib dengan Zaid bin Haritsah, Abu Bakar As-Shiddiq dengan Kharijah bin Zuhair, Umar bin al-Khattab dengan Utbah bin Malik, Abdul Rahman bin Auf dengan Sa'ad bin Rabi' dan lain-lain. Tujuan *ukhawah* ini dilaksanakan bagi membina semangat *ta'awun*, kerjasama, toleransi, hormat-menghormati dan sebagainya bagi mewujudkan kesatuan dalam masyarakat (Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buthy, 2006:175).

AMALAN TA'AWUN DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI KRT, PULAU PINANG

Organisasi sosial yang merentasi batas etnik, budaya, agama, bahasa dan lain-lain berperanan penting sebagai saluran interaksi dalam masyarakat (Azeem Fazwan Ahmad Farouk & Mohamad Zaini Abu Bakar, 2007). Kajian Mohammad Fazli Sabri, Ahmad Hariza Hashim dan Nasruddin Yahaya (2004) juga menjelaskan bahawa organisasi sosial seperti KRT mampu mencorakkan hubungan kejiiran, persahabatan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti-aktiviti sosial yang dilaksanakan. Manakala, Shamsul Amri Baharuddin melihat KRT berperanan membina asas perpaduan dengan mewujudkan kesepaduan dalam kepelbagaian. KRT juga bertindak menjadi jambatan kepada kepelbagaian ini. Maka, penubuhan KRT dilihat dapat memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk berinteraksi, berbaik-baik, saling membantu dan hormat-menghormati sesama jiran tetangga ke arah mencapai keharmonian¹³.

Kajian yang dilakukan oleh Mohamad Zaini Abu Bakar, Salfarina Abdul Gapor, Chin Yee Whah et al. (2006) terhadap di KRT, Sungai Rambai dan Pekan Nibong Tebal, Pulau Pinang menunjukkan pentingnya peranan KRT sebagai salah satu usaha dalam memupuk perpaduan di sesebuah kawasan atau taman perumahan. Hal ini menunjukkan bahawa KRT berpotensi memupuk hubungan kerjasama dalam kalangan masyarakat. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dalam KRT juga mampu berfungsi sebagai agen yang membina ruang interaksi dalam masyarakat. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini yang berunsurkan semangat kejiiran merupakan satu wadah penyertaan masyarakat dan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa (Fatimah Mohd Yasin, 2010).

¹² Sebagaimana dalam Fasal 3, 4, 6, 12, 13, 16, 18, 21 dan lain-lain. Huraian lanjut berhubung Piagam Madinah, sila rujuk Mat Saad Abd Rahman (1995:131-141).

¹³ Temu bual bersama Shamsul Amri Baharuddin di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia pada 13 Februari 2013.

Sehubungan itu, peranan KRT mengalami anjakan paradigma apabila pada tahun 2010, KRT telah mengalami fasa transformasi selaras dengan *Program Transformasi Kerajaan (GTP)* apabila *Model Transformasi Rukun Tetangga* yang berpaksikan kepada lima teras iaitu perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup diperkenalkan. Hal ini seiring dengan Gagasan 1Malaysia yang mengutamakan perpaduan negara (Abd Hadi Mohd Salleh & Norwahidah Zinalibidin, 2013). Antara aktiviti-aktiviti yang berteraskan lima teras tersebut yang menjadi sebahagian daripada aktiviti di KRT, Pulau Pinang seperti mana berikut:

KESELAMATAN

Penubuhan Skim Rondaan Sukarela¹⁴ (SRS) merupakan salah satu cabang dalam KRT. SRS ini dirangka khusus untuk membantu pihak berkuasa membanteras jenayah di KRT. Di samping itu, SRS dapat menyemai semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat untuk menjaga keamanan di kawasan perumahan masing-masing. Menurut Syarmila Hany Haron (2001:11), SRS merupakan suatu cara untuk membentuk hubungan yang rapat dan saling membantu antara masyarakat dengan pihak polis serta kerajaan tempatan. SRS ini juga berfungsi dalam membantu masyarakat melindungi keselamatan, harta benda, mengurangkan perasaan takut terhadap jenayah dan memperbaiki persekitaran tempatan dengan memperbaiki sistem keselamatan rumah agar lebih berwaspada.

Amalan saling bekerjasama dan rasa tanggungjawab dalam SRS ini telah berjaya mengurangkan kadar jenayah dan berjaya membina hubungan baik dalam kalangan masyarakat setempat¹⁵. Selain itu, mereka turut berganding bahu dalam mengadakan pelbagai program kesedaran berhubung masalah jenayah agar masyarakat tidak terjebak dengan gejala negatif. SRS ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kesalahan jenayah dan kepentingan kawalan keselamatan, malah memberi gambaran tentang tugas-tugas pihak polis dalam menjaga keamanan negara (JPNIN, 2013). Hal ini menunjukkan rasa tanggungjawab dan amalan saling membantu wujud dalam kalangan penduduk setempat dan pihak berkuasa untuk bersama-sama menjaga keselamatan kawasan setempat. Masyarakat KRT bekerjasama mengadakan kawalan dan rondaan mengikut giliran pada masa-masa yang telah ditetapkan. Kajian Syarmila Hany Haron yang dilakukan di pangsapuri Pelangi, Georgetown, Pulau Pinang menunjukkan program SRS masih dilakukan walaupun kefahaman tentang fungsi kewujudan KRT masih tidak jelas dalam kalangan penduduk setempat. SRS ini boleh dijadikan aset KRT yang bernilai untuk menarik minat lebih ramai peserta.

¹⁴ Skim Rondaan Sukarela ialah suatu skim yang dipohon oleh pemastautin sukarelawan di bawah Peraturan 27A, Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975, Pindaan 1988. Skim ini dikendalikan oleh Biro Keselamatan yang merupakan salah satu jawatankuasa di dalam KRT. Objektif utama pelaksanaan SRS adalah (JPNIN, 2012):

1. Membantu mencegah jenayah dan menangani gejala sosial.
2. Membantu menguatkuasakan undang-undang.
3. Memberi perlindungan kepada nyawa dan harta benda.
4. Mempertingkatkan semangat kejiranan di kalangan penduduk setempat.
5. Memulihkan keadaan setempat agar menjadi aman dan sejahtera.

¹⁵ Temu bual bersama Mohd Ismail Ibrahim, Pengerusi KRT Kg Melayu di Pusat KRT Kg Melayu, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang pada 3 Oktober 2013.

PERPADUAN

Dalam KRT turut giat melaksanakan program kemasyarakatan supaya masyarakat dapat saling membantu, bersatu hati, bekerjasama dan berinteraksi ketika menyertai program yang dianjurkan. Hal ini supaya objektif penubuhan KRT¹⁶ dapat dicapai dengan jayanya. Setiap aktiviti yang dilakukan mesti melalui mesyuarat bersama ahli jawatankuasa yang mempunyai wakil daripada setiap etnik. Maka, setiap aktiviti yang dilaksanakan mendapat kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak. Pemilihan ahli jawatan kuasa daripada wakil setiap etnik membantu penglibatan masyarakat dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Antara program yang sering dilakukan oleh masyarakat majmuk di KRT ialah aktiviti gotong-royong. Aktiviti ini melibatkan penyertaan daripada semua lapisan masyarakat. Aktiviti bergotong-royong yang sering dilakukan seperti membersihkan alam sekitar dan kawasan setempat, sambutan hari keluarga, program suai kenal, sambutan pelbagai perayaan, majlis perkahwinan, majlis sambutan maulidur rasul dan sebagainya¹⁷. Malah, aktiviti ini turut dilakukan bagi membantu masyarakat apabila berlaku sesuatu bencana seperti kebakaran, banjir, ribut dan sebagainya. Selain itu, masyarakat KRT turut sama-sama membantu golongan miskin seperti memberi sumbangan kewangan, keperluan dapur, tenaga dan sebagainya. Perbezaan latar belakang tidak membataskan masyarakat untuk sama-sama berganding bahu dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ini¹⁸. Program sebegini mampu memberi kesan positif dalam mendidik masyarakat akan rasa tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara. Oleh sebab itu, program motivasi berkenaan kebaikan bergotong-royong perlu diadakan agar dapat memberi kesedaran kepada masyarakat.¹⁹

PENDIDIKAN

Selain itu, KRT turut melaksanakan program yang berbentuk pendidikan bagi membantu masyarakat menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Misalnya, melaksanakan program celik komputer, program motivasi, kursus kepimpinan dan organisasi, kelas memasak dan jahitan, kemahiran mekanikal, kelas tuisyen kepada para pelajar dan sebagainya. Masyarakat setempat bekerjasama dan saling membantu menyelaras program-program ini bagi membantu golongan belia khususnya mempelajari pelbagai cabang ilmu pengetahuan. Projek perpustakaan mini turut dibina bagi menggalakkan sikap minat membaca dalam kalangan kanak-kanak dan belia. Terdapat juga guru-guru yang mengajar secara percuma bagi membantu para pelajar. Hal ini dapat membantu membangunkan modal insan dan berperanan dalam menangani gejala negatif yang semakin berleluasa. Sememangnya, program-program seperti ini memberi manfaat kepada individu, masyarakat dan pembangunan negara²⁰.

16 Objektif penubuhan KRT ialah memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara (JPNIN, 2012).

17 Temu bual bersama Sabariah Che Rose, Pengerusi Jiran Wanita di Pusat KRT, Taman Tun Sardon pada 29 September 2013.

18 Temu bual Bersama Ahmad Azlan Abdul Rahman, Pembantu Pegawai Perpaduan Daerah Timur Laut di Pejabat Perpaduan Daerah Timur Laut/ Barat Daya, Komtar, Pulau Pinang pada 1 Oktober 2013.

19 Temu bual bersama Mohd Ismail Ibrahim, Pengerusi KRT Kg Melayu di Pusat KRT Kg Melayu, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang pada 3 Oktober 2013.

20 Temu bual bersama Ismail Osman, Ahli Jawatankuasa Induk KRT Kg. Melayu di Pusat KRT Kg. Melayu, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang pada 3 Oktober 2013.

KUALITI HIDUP

Bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat, pihak jawatankuasa KRT akan berusaha mendapatkan sumbangan dan dana daripada pelbagai pihak untuk membuat pelbagai aktiviti dalam KRT mereka.²¹ Lazimnya, aktiviti-aktiviti yang dilakukan adalah kesukanan, rekreasi, beriadah dan sukaneka. Hal ini dilakukan bertujuan mengisi masa lapang masyarakat di KRT agar masa terluang dipenuhi dengan aktiviti yang bermanfaat. Aktiviti ini sering dilakukan terutama sewaktu sambutan hari keluarga.

Malah, hadiah dan cabutan bertuah turut disediakan bagi menarik minat masyarakat terhadap program yang dianjurkan. Aktiviti ini melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat bagi memastikan masyarakat mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang telah dirancang. Selain itu, aktiviti ini turut memberi pendedahan tentang kebaikan bersukan di samping dapat menjalin hubungan kejiwaan yang kukuh dalam kalangan masyarakat. Malah, menjadi amalan masyarakat dalam memberi sumbangan berbentuk wang, tenaga dan masa bagi melancarkan setiap aktiviti yang dilakukan. Aktiviti-aktiviti ini dilakukan secara bekerjasama dan rasa bertanggungjawab dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat²².

Menurut kajian Fatimah Mohd yasin (2010), aktiviti kesukanan merupakan penyumbang paling tinggi kepada pemupukan budaya kerjasama dalam program yang dianjurkan oleh pihak KRT, di Pulau Pinang. Aktiviti-aktiviti kesukanan telah mewujudkan ruang interaksi antara etnik untuk menanamkan sikap saling mempercayai dan bekerjasama dalam pasukan. Semangat satu pasukan yang lahir antara ahli dalam kumpulan secara tidak langsung telah membentuk jaringan interaksi daripada sifat individu kepada sifat kekitaan walaupun dalam komuniti yang berbeza identiti.

EKONOMI DAN SARA HIDUP

Masyarakat majmuk dalam KRT juga melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh menambah pendapatan mereka. Antara aktiviti yang dilakukan ialah katering, menjual kuih-muih, memasarkan keropok kering dan sebagainya. Aktiviti bukan sahaja dapat meningkatkan tahap ekonomi malah berperanan penting dalam memupuk semangat kerjasama, tanggungjawab dan kasih sayang dalam masyarakat. Masyarakat yang mengalami masalah kewangan akan turut serta untuk belajar asas perniagaan dan masakan. Justeru, aktiviti ini dapat membantu meringankan masalah ahli masyarakat KRT yang buntu untuk menambah pendapatan mereka²³.

²¹ Walau bagaimanapun, pihak JPNIN telah memperuntukan geran tahunan sebanyak RM 6000 dan geran tambahan RM 300 kepada setiap KRT supaya KRT dapat melakukan aktiviti secara aktif. Akan tetapi, pihak KRT boleh menggunakan pelbagai inisiatif untuk mendapatkan kerjasama dan bantuan kewangan daripada pihak lain (Temu bual Bersama Ahmad Azlan Abdul Rahman, Pembantu Pegawai Perpaduan Daerah Timur Laut di Pejabat Perpaduan Daerah Timur Laut/ Barat Daya, Komtar, Pulau Pinang pada 1 Oktober 2013).

²² Temu bual bersama Chai Tsing Boo, Pengerusi KRT Bayan Baru di Pusat KRT Bayan Baru pada 9 Oktober 2013.

²³ Temu bual bersama Sabariah Che Rose, Pengerusi Jiran Wanita di Pusat KRT, Taman Tun Sardon, Pulau Pinang pada 29 September 2013.

ANALISIS TA'AWUN SEBAGAI ASAS KESEPADUAN SOSIAL

Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan melalui lima teras dalam *Model Transformasi Rukun Tetangga* menunjukkan bahawa amalan *ta'awun* menjadi asas kepada kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat di KRT, Pulau Pinang. Aktiviti-aktiviti dalam KRT, di Pulau Pinang mendapat kerjasama yang baik dalam kalangan masyarakat majmuk walaupun masih terdapat masyarakat yang tidak melibatkan diri dan masih tidak jelas terhadap objektif penubuhan KRT. Elemen-elemen toleransi, kasih sayang, hormat-menghormati, keadilan dan tanggungjawab dilihat wujud dalam aktiviti-aktiviti keselamatan, perpaduan, pendidikan, kualiti hidup dan ekonomi yang dilakukan oleh masyarakat KRT, Pulau Pinang. Setiap ahli masyarakat cuba membantu ahlinya yang mengalami masalah dan kesusahan tanpa mengira kaum melalui sumbangan kewangan, keperluan dapur dan tenaga. Hal ini menunjukkan petanda positif penerimaan masyarakat terhadap KRT dan hal ini membantu ke arah mencapai kesepaduan sosial.

Selain itu, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dilihat dapat menarik minat masyarakat untuk sama-sama berganding bahu membantu melancarkan proses setiap aktiviti. Ahli jawatan kuasa misalnya berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan setiap aktiviti yang ingin dilaksanakan. Hal ini menunjukkan rasa tanggungjawab dapat dipupuk tanpa disedari. Oleh sebab itu, Islam amat menitikberatkan amalan *ta'awun* agar masyarakat yang berbeza latar belakang dapat hidup aman dan damai dalam unit politik yang sama. Menurut Zulkifli Mohamad Al Bakri²⁴, amalan *ta'awun* dalam KRT berperanan penting untuk mencapai perpaduan. Hal ini kerana amalan *ta'awun* melibatkan kerjasama daripada kedua-dua belah pihak sehingga mewujudkan sikap saling menghormati dan rasa tanggungjawab. Amalan ini dapat dilihat dalam aktiviti-aktiviti yang berasaskan lima teras tersebut.

Islam menganjurkan amalan *ta'awun* agar masyarakat dapat melaksanakan perkara makruf dan menjauhi kemungkaran²⁵. Sehubungan itu, Mahmood Zuhdi Ab. Majid²⁶ menjelaskan Islam tidak prejudis terhadap agama dan bangsa lain malah bersedia menghulurkan tangan untuk mengadakan kerjasama dan saling membantu dalam perkara kebaikan untuk kepentingan masyarakat. Hal ini dilihat selaras dengan usaha KRT mengadakan SRS untuk membantu masyarakat setempat dengan kerjasama daripada pihak berkuasa untuk membanteras jenayah yang semakin berleluasa. Selain itu, usaha dan sokongan daripada pihak jawatankuasa KRT yang bersungguh-sungguh dalam menjayakan setiap aktiviti demi kepentingan masyarakat setempat. Hal ini menunjukkan amalan toleransi, tanggungjawab, kasih sayang, keadilan dan hormat-menghormati telah mewujudkan asas kesepaduan sosial yang membawa keamanan dan keharmonian dalam masyarakat majmuk.

²⁴ Temu bual bersama Zulkifli Mohamad Al Bakri di Pejabat Pustaka Cahaya Kasturi, Putra Nilai, Nilai, Negeri Sembilan pada 29 Januari 2013.

²⁵ "Tolonglah saudaramu, baik yang berbuat zalim mahupun yang dizalimi, "Nabi ditanya, "Kalau yang dizalimi kami mampu menolong, bagaimana dengan orang yang menzalimi wahai Rasulullah? Nabi SAW bersabda, "kamu pegang kedua tangannya atau kamu cegah dia daripada melakukan kezaliman, itu cara kita menolongnya." (HR. Al-Bukhari, No. 6438).

²⁶ Temu bual bersama Mahmood Zuhdi Ab. Majid di Pejabat Dekan, Department of Fiqh and Usul Fiqh, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, UIAM, Gombak pada 30 Januari 2013.

KESIMPULAN

Amalan *ta'awun* dalam masyarakat majmuk boleh mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan sekali gus menyumbang kepada kestabilan sosiopolitik dan ekonomi negara. Amalan *ta'awun* dilihat wujud dalam semua aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat di KRT, Pulau Pinang malah penglibatan masyarakat menunjukkan kesungguhan mereka melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Hal ini memberi kesan positif kepada individu, masyarakat dan negara. Malahan, amalan *ta'awun* dalam KRT ini dilihat sebagai proses penting bagi mencapai kesepaduan sosial yang diidamkan oleh seluruh rakyat Malaysia. Hasilnya, masyarakat majmuk mampu menjadi simbol keharmonian dan kekuatan kepada negara.

BIBLIOGRAFI

- A. Rahman Ahmad Jerlun (1990). *Rukun Islam Formula Perpaduan Ummah*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Abd Hadi Mohd Salleh & Norwahidah Zinalibidin (2013). *Panduan Pengurusan Rukun Tetangga*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Komuniti, JPNIN.
- Al-Imam Al-Bukhary (2009). *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari Jilid I, II, III & IV* (terj. H. Zainuddin Hamidy et al.). Kuala Lumpur: Klang Book Centre.
- Benny, T. V. (2007). *Pengaruh Sikap dan Motivasi terhadap Komitmen Ahli dalam Pelbagai Aktiviti Rukun Tetangga di Kawasan R.T. Taman Sri Jelok, Kajang, Selangor*. Tesis Sarjana, Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Bryman, A. (2008). *Social Research Methods* (3rd ed.). New York: Oxford University Press.
- Calmorin, L. P. & Calmorin, M. A. (2008). *Research Methods and Thesis Writing* (2nd ed.). Philippine: Rex Book Store.
- David, M. & Sutton, C. D. (2004). *Social Research. The Basics*. London: Sage Publication.
- Hamka (Haji Abdul Malik Abdul Karim Abdullah) (1990). *Tafsir Al-Azhar Jilid 3*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura.
- Ibn Manzur, (t.t). *Lisan al- 'Arab*. Beirut: Dar Sader.
- JPNIN (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional) (2017). *Data Penubuhan Rukun Tetangga Mengikut Tahun*. JPNIN, Cawangan Pulau Pinang.
- Kerajaan Malaysia (2012). *Undang-Undang Malaysia, Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Khalif Muammar (2009), Faktor Kegemilangan Tamadun Islam: Pengajaran Dari Masa Lalu. *Jurnal Hadhari*, (2), 15-31.
- Kondracki, N. L., Wellman, N. S. & Amundson, D. R. (2002). Content Analysis: Review of Methods and their Application in Nutrition Education. *Journal of Nutrition Education and Behaviour*, 34(4), 224-230.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee (2006). *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Selangor: Pearson Malaysia.
- Mat Saad Abdul Rahman (1995). Kedudukan Masyarakat Bukan Islam dalam Syariah Pemerintahan Islam dlm. *Pemerintahan Islam Dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

- Mat Saad Abdul Rahman (1995). *Kedudukan Orang-Orang Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam*. Shah Alam: Hizbi.
- Maxwell, J. (1996). *The Social Dimensions of Economic Growth*. The Eric John Hanson Memorial Lecture Series Volume VIII, Department of Economics, University of Alberta.
- Mohd. Syarifudin Abdullah (2013). Kesepaduan Sosial dalam Komuniti di Kawasan Kejiranan Rukun Tetangga. Dlm. Pue Giok Hun (Ed.), *Menyelusuri Cabaran Kepelbagaian: Pengalaman Malaysia Terkini*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buthy (2006). *Sirah Nabawiyah. Kajian Mendalam Manhaj Gerakan Islam Pada Masa Rasulullah (s.a.w.)* (terj. Aunur Rafiq Shaleh Tamhid). Selangor: Pustaka Dini.
- Mustafa Daud (1990). *Pengantar Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar (2012). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Pegorier, C. (2013). *Ethnic Cleansing A Legal Qualification*. New York: Taylor & Francis.
- Raed al-Jabari (eds) (2010). *Oxford Essential Arabic Dictionary (Arabic-English)*. United States: Oxford University Press.
- Rashid Saad (2004). Sumbangan Rukun Tetangga 21 Dalam Perpaduan Negara dan Pembangunan Komuniti. Dani Salleh (Eds.). *Pembangunan Komuniti Dasar, Konsep, Strategi, dan Isu di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia: Jabatan Penerbitan dan Teknologi Media Universiti Utara Malaysia.
- Ryan, B., Scapens, R. W. & Theobald, M. (2002). *Research Method and Methodology in Finance and Accounting*(2nd ed.). London: Thomson.
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin (2012). *Wawasan 2020: Negara Teguh, Bangsa Terus Di bina*. Ucaptama Seminar Wawasan 2020: Transformasi Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 19-20 Disember 2012.
- Surtahman Kastin Hasan (2008). *Kerjasama Ekonomi Umat Islam Potensi dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Mahadzir (2007). *Rukun Tetangga*. Ampang: Cooray's House of Publications.
- Wolff, S. (2006). *Ethnic Conflict: A Global Perspective*. United States: Oxford University Press.
- Yusof Al-Qardawi (1985). *Kedudukan Non-Muslim Dalam Negara Islam* (terj. Mat Saat Abd Rahman). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Zainal Abidin Ahmad (1973). *Piagam Nabi Muhammad SAW*. Jakarta: Bulan Bintang.

SENARAI TEMU BUAL

Temu bual bersama Sabariah Che Rose, Pengerusi Jiran Wanita di Pusat KRT, Taman Tun Sardon, Pulau Pinang pada 29 September 2013.

Temu bual Bersama Ahmad Azlan Abdul Rahman, Pembantu Pegawai Perpaduan Daerah Timur Laut di Pejabat Perpaduan Daerah Timur Laut/ Barat Daya, Komtar, Pulau Pinang pada 1 Oktober 2013.

Temu bual bersama Chai Tsing Boo, Pengerusi KRT Bayan Baru di Pusat KRT Bayan Baru, Daerah Bayan Baru pada 9 Oktober 2013.

Temu bual bersama Mohd Ismail Ibrahim, Pengerusi KRT Kg Melayu di Pusat KRT Kg Melayu, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang pada 3 Oktober 2013.

Temu bual bersama Ismail Osman, Ahli Jawatankuasa Induk KRT Kg. Melayu di Pusat KRT Kg. Melayu, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang pada 3 Oktober 2013.

Temu bual bersama Shamsul Amri Baharuddin di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia pada 13 Februari 2013.

Temu bual bersama Zulkifli Mohamad Al Bakri di Pejabat Pustaka Cahaya Kasturi, Putra Nilai, Nilai, Negeri Sembilan pada 29 Januari 2013.

Temu bual bersama Mahmood Zuhdi Ab. Majid di Pejabat Dekan, Department of Fiqh and Usul Fiqh, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, UIAM, Gombak pada 30 Januari 2013.